

04 MAR 1998

AMERIKA AKUI USAHA MALAYSIA PERANGI PENGEDARAN DADAH

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton menghargai kerjasama dua hala antara Amerika Syarikat dan Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini dalam usaha memerangi pengedaran dadah di peringkat global.

Clinton, dalam Laporan Strategi Pengawalan Narkotik Antarabangsa yang diedarkan kepada Kongres pada 26 Feb lalu, berkata kerajaan Malaysia memberi keutamaan kepada usaha memerangi dadah.

Menurut siaran akhbar daripada Pejabat Akhbar Kedutaan Amerika Syarikat di sini hari ini, Clinton juga mengambil perhatian bahawa kedua-dua negara menjalankan penguatkuasaan bersama undang-undang serta mengukuhkan keberkesanan usaha dua hala dan serantau untuk membanteras pengedaran dan penagihan narkotik.

Laporan itu juga menyebut mengenai keberkesanan kerjasama dua hala antara agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang Amerika Syarikat dan Malaysia pada tahun lalu.

Ia juga menyebut bahawa para pemimpin Malaysia, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjadikan usaha memerangi dadah sebagai antara agenda utama mereka. -- BERNAMA

YBK AKD